


Cari punca mengapa manusia jadi ganas — PM

UM - 6 FEB 2002
Daripada KHALID MOHD

Arak dunia
NEW YORK 5 Feb. — Muncu kenapa perlu mencari sebab dan mengambil manusia menjah sebab dan punca itu, langkah menghan geram secara kekerasan bukan melepti yang dilakukan sekarang, melampar Seri Dr. Mahathir Mohamad. kata Ia juga mahu mereka mencari sebab Epa kebelakangan ini perbuatan ganas ampaknya lebih banyak dilakukan oleh penganut Islam dan kenapa hanya pengganas Islam dikaitkan dengan agamanya.

Beliau bertanya kenapa pengganas bukan Islam tidak dikaitkan dengan agama mereka. "Apabila Islam Bosnia-Herzegovina disembelih oleh Serb, tidak disebutkan agama mereka yang mengganas itu. Pengganas-pengganas Kristian Ortodoks itu membunuh lebih ramai jika dibandingkan bilangan yang terbunuh pada 11 September.

"Dunia tidak pula dikerah dan digerakkan untuk memerangi pengganas Kristian Ortodoks itu," katanya.



tetapi sehingga sebab dan puncanya dihapuskan, tidak ada jaminan kumpulan baru tidak akan muncul.

"Ertinya, sementara kita memerangi pengganas yang dikenali dan yang disyaki, kita perlu menghapuskan sebab dan puncanya," tegas beliau.

Perdana Menteri menjelaskan, tindak balas Malaysia terhadap masalah ini bukan terhadap hanya kepada tindakan terhadap mereka

Berucap pada jamuan malam Asia Society atas tajuk *Islam, Keganasan dan Tindak Balas Malaysia*, Perdana Menteri berkata: "Sementara kita mengutuk tindakan ganas, kita hendaklah memahami sebab-sebab mereka menjadi marah dan bertindak ganas, walaupun tindakan mereka tidak rasional.

● Teks ucapan penuh PM di Muka 6

"Kita perlu memahaminya jika kita hendak menangani masalah ini."

Menurut Perdana Menteri, orang Islam terlibat dalam perbuatan ganas kerana mereka dan negara-negara mereka yang paling banyak ditekan dan ditindas.

"Sebenarnya, perbuatan mereka hanyalah tindak balas kepada apa yang mereka anggap keganasan ke atas mereka.

"Bagaimanapun kita diberi gambaran bahawa orang Islam adalah pengganas semula jadi sedangkan Islam menentang pembunuhan mereka yang tidak berdosa," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, jika orang Islam melakukan keganasan, ia adalah kerana negara mereka lemah dan tidak mampu melawan balik dan tidak mampu berperang dengan musuh masing-masing.

"Maka nampaklah seolah-olah perbuatan ganas oleh orang Islam lebih banyak daripada yang dilakukan oleh bukan Islam," ujar beliau.

Perdana Menteri mengingatkan, pengganas hari ini bukan lagi mereka yang buta huruf dan hanya tahu menerima arahan daripada ketua-ketua yang jahat, tetapi terdiri daripada manusia biasa yang terpelajar yang mempunyai keluarga yang disayangi.

"Kita tidak akan tahu mereka pengganas sehinggalah selepas mereka melakukan keganasan. Ketua-ketua serta kumpulan mereka yang diketahui mungkin boleh dihapuskan,

yang berkemungkinan menjadi pengganas tetapi juga mencari definisi sebenar apa itu pengganas dan keganasan.

Katanya, takrif keganasan dan pengganas perlu diselesaikan supaya tidak terdapat kesamaran dalam mengenal pasti siapa sebenarnya pengganas dan perbuatan apa yang boleh dikira keganasan.

"Kita tidak boleh mengambil tindakan bagi membalas dendam terhadap satu perbuatan membunuh orang yang tidak berdosa. Kita hendaklah memerangi semua pengganas di mana sahaja dan kita hendaklah memerangi mereka bukan setakat tindakan secara langsung tetapi lebih dengan cara memenangi hati dan memikat mereka.

"Ini berkesan dari segi mengurangkan sokongan terhadap perbuatan ganas dan bagi mengurangkan tarikan terhadap tindakan ganas oleh mereka yang tidak nampak cara lain bagi menangani tekanan dan penderitaan masing-masing," kata Perdana Menteri.

Beliau memberitahu para hadirin bahawa Malaysia pernah menggunakan pendekatan tersebut semasa memerangi keganasan gerila komunis dan berjaya mengalahkannya.

"Kami berjaya mengalahkannya bukan sahaja melalui tindakan ketenteraan tetapi dengan cara memenangi serta memikat hati orang yang menyokong mereka dengan mengenal pasti punca tidak puas hati mereka dan memperbetulkannya," jelasnya.

Dr. Mahathir percaya pendekatan sama boleh diguna pakai dengan berkesan bagi menangani masalah keganasan di mana-mana sahaja termasuk yang melibatkan orang Islam.

"Islam agama keamanan. Tapi bila orang Islam rasa tertindas dan tidak mendapat layanan adil, maka mereka bertindak. Kita perlu memahami kenapa mereka bertindak demikian," tegas beliau. — *Utusan*